

Jangan jadi alat negara maju: Mahathir

KUALA LUMPUR, Selasa — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, meminta pencinta alam tempatan memahami keadaan sebenar pencemaran alam dan tidak membiarkan diri mereka diperalatkan oleh negara maju.

Beliau kesal kerana kumpulan pencinta alam Malaysia tidak memberi maklumat sebenar mengenai keadaan alam sekitar di Malaysia, sebaliknya membiarkan diri mereka menjadi ejen kumpulan pencinta alam Barat.

“Sikap mereka lebih condong ke arah kepentingan, nolitik daripada menerangkan keadaan sebenar alam sekitar di Malaysia. Mereka hanya menjadi ejen kumpulan pencinta alam Barat,” katanya dalam sidang akhbar untuk wartawan Malaysia di sini, hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, dalam sidang ekaekutif yang membincangkan Deklarasi Langkawi Mengenai Alam Sekitar, beliau memberitahu ketua-ketua kerajaan, Komanwel bahawa negara maju turut bersalah dalam pencemaran alam sekitar dan perlu bertanggungjawab mengawalinya.

Menurutnya, adalah tidak adil hanya negara membangun dipersalahkan dan dibebankan dengan masalah pencemaran alam, sedangkan negara majulah yang banyak menjalankan kegiatan yang merosakkan, alam sekitar pada satu masa dulu.

“Negara maju yang terlebih dahulu menebang hutan untuk pembangunannya seperti membina empangan bagi mendapat bekalan elektrik yang

murah. Kini apabila negara membangun menebang pokok untuk pembangunannya, mereka dihalang dan dipersalahkan kerana mencemar alam.

“Negara maju mempunyai wang untuk menukar kawasan padang pasir menjadi hutan belantara. Tetapi mereka tidak berbuat demikian, sebaliknya membelanjakan wang yang banyak untuk menanam hasil pertanian yang boleh dibekalkan oleh negara membangun,” katanya.

Perdana Menteri berkata, beliau berpuas hati dengan Deklarasi Langkawi ini kerana memperlihatkan buat pertama kali negara maju dan membangun menumpukan perhatian kepada isu pengawalan alam sekitar.

LIHAT MUKA 2

Tiada tekanan terhadap kaum Penan

●DARI MUKA 1

Sebelum itu, dalam sidang akhbar penutup CHOGM Kuala Lumpur, Datuk Seri Dr Mahathir menyelar pengkritik yang menuduh kononnya Malaysia menekan kaum Penan.

Katanya, masanya sudah tiba bagi orang Barat menyedari bahawa era ‘tanggungjawab orang putih’ di Timur sudah berlalu.

“Isu kaum Penan adalah satu daripada kempen alam sekitar di Barat yang ‘menyinggung’ sesebuah negara”, katanya ketika ditanya sama ada beliau berpuas hati dengan deklarasi itu yang dikatakan sebagai lebih lembut berbanding pendirian tegas yang disuarakannya pada pembukaan mesyuarat itu.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, secara peribadi beliau lebih suka deklarasi yang lebih tegas, tetapi beliau faham pendapat pemimpin lain mengenai alam sekitar juga patut dipertimbang dan dimasukkan dalam deklarasi itu.

“Ini tidak menghalang kami daripada mengetengahkan pendapat kami di forum-forum lain,” katanya.

Merujuk kepada satu siaran luar negara baru-baru ini mengenai kaum Penan dan Bruno Manser, rakyat Swiss yang mengaku dirinya sebagai pejuang Penan, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, Manser adalah “peninggalan masa lampau.”

Beliau berkata, anggapan bahawa cara hidup kaum Penan satu keistimewaan yang romantik, sudah ketinggalan zaman.

“Kaum Penan hidup di hutan, tanpa kemudahan, perubahan dan jangkaan hayat cuma 40 tahun berbanding 60 tahun bagi rakyat Malaysia yang lain. Inilah yang dikatakan satu keistimewaan bagi mereka?” katanya.

Beliau berkata, mereka yang menyokong cara hidup kaum Penan, ingin mengekalkan kehidupan yang penuh dengan ancaman penyakit dan jangka hayat yang singkat.

“Kami sebenarnya tidak mahu mereka terus hidup dalam keadaan yang tidak terurus ketika orang lain sudah mengecap nikmat pembangunan dan pemodenan,” katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, rakyat Malaysia mampu memikul bebanan mereka sendiri.

“Kami tahu apa yang hendak kami lakukan untuk diri kami. Kami tidak lagi memerlukan orang Eropah yang memikirkan mereka mereka mempunyai ‘tanggungjawab orang putih’.

“Jangan cuba mengetengahkan unsur kemanusiaan dalam soal alam sekitar dengan membawa isu minoriti kerana jika saya hendak membincangkan isu minoriti di negara-negara lain, ada banyak perkara yang boleh saya katakan yang tidak akan disukai oleh negara-negara itu,” tegasnya.